

## Transformasi Pendidikan Vokasional persediaan IR 4.0

Rohaniza Idris - September 24, 2021 @ 12:59pm  
roha@bh.com.my



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) dilaksanakan bagi mengubah landskap pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) bagi menghasilkan graduan berkualiti, berkemahiran serta kebolehpasaran sesuai Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Yusran Shah Mohd Yusof, berkata TPV dilaksanakan bagi memartabatkan pendidikan teknikal dan vokasional sebagai aliran perdana.

Justeru, katanya semua pihak perlu memaksimumkan penggunaan platform Telegram Outreach Program Pendidikan Teknikal bagi meningkatkan lagi kesedaran kepentingan pendidikan tinggi teknikal dan vokasional untuk pertumbuhan ekonomi Negara.

"Saya amat berharap saluran ini dapat memberikan informasi yang pantas dan terkini kepada pelajar supaya mereka mendapat pendedahan mengenai peluang pendidikan TVET di Malaysia dan seterusnya dapat meningkatkan minat mereka untuk menyambung pelajaran selepas tamat Tingkatan Lima.

"Ini juga akan membantu Malaysia dalam meningkatkan kedudukan pencapaian indikator 'School Life Expectancy' pada masa akan datang", katanya ketika melancarkan saluran media sosial Telegram Outreach Program Pendidikan Teknikal, hari ini.

Saluran itu menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap kepentingan pendidikan TVET dalam memenuhi keperluan tenaga mahir untuk pasaran kerja masa hadapan.

Telegram yang dibangunkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu juga saluran untuk mempromosikan program TVET.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPC, Datuk Abdul Latif Abu Seman, berkata antara cabaran yang dikenal pasti mengekang pertumbuhan produktiviti adalah kekurangan tenaga mahir untuk memenuhi keperluan dan permintaan pasaran kerja, baik dalam situasi semasa atau di masa hadapan.

"Krisis pandemik COVID-19 memburukkan lagi keadaan dan menyedarkan kita semua bahawa isu ini satu perkara yang serius yang boleh memberi impak buruk kepada pertumbuhan produktiviti negara.

"Pekerja adalah aset produktiviti, dan pekerja yang berkemahiran akan melonjakkan peningkatan produktiviti," katanya.

Beliau berkata, dapatan analisis dan penelitian yang mendalam ke atas data Bank Dunia mendapati 43.06 peratus daripada belia di Malaysia melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi pada 2019.

"Ini memberi impak kepada kesediaan tenaga mahir dalam pasaran kerja.

"Justeru, cadangan penyelesaian untuk menambah baik keadaan ini adalah dengan menggalakkan penyertaan belia dan pelajar ke peringkat tinggi terutamanya dalam bidang TVET.

Sempena majlis pelancaran itu, satu siri webinar bertajuk Keperluan Tenaga Kerja Masa Hadapan diadakan.

Webinar itu mengetengahkan panelis Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Zainab Ahmad; Pengarah Strategi Daya Saing Negara, MPC, Mohamad Muzaffar Abdul Hamid dan Perunding TVET IWM Group Resources, Fahisham Saad.

Naib Canselor dan Ketua Eksekutif AIMST University, Profesor Datuk Dr John Anthony Xavier menjadi perantara webinar itu.